

## KARANGAN 1

### Langkah-langkah Mengatasi Pencemaran Udara

#### Pengenalan

Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan kepada kita.  
- perlu dipulihara keindahannya daripada tercemar  
- banyak berlaku pencemaran dewasa ini  
- pencemaran air dan udara antara yang amat ketara

#### Idea-idea Utama

Pelbagai alternatif dapat dilaksanakan dalam menangani senario ini.

- mengenakan denda dan hukuman yang berat
- tidak berani mengulangi perbuatan yang jijik ini
- menjadi contoh dan teladan kepada orang lain

Mengadakan kempen menyayangi alam sekitar.

- sedar akan kepentingaan hidup tanpa pencemaran udara
- tidak akan melakukan pembakaran terbuka
- memastikan udara segar sentiasa dihirup di alam ini

Mengadakan operasi pembebasan asap yang berlebihan ke udara.

- menyaman kenderaan yang melebihi pembebasan asap yang dibenarkan
- diadakan secara berterusan dan bukannya bermusim
- menggalakan penggunaan kenderaan empat lejang untuk motosikal

Memantau kilang-kilang di negara kita.

- Jabatan alam sekitar tidak berkompromi dengan pengusaha sebegini.
- menggantung lesen jika masih berdegil
- untuk memastikan pembebasan asap tidak berlaku

#### Penutup

Kerjasama semua pihak amat penting dalam menangani masalah ini.

- bekerjasama menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa
- alam sekitar disayangi bukan untuk dicemari
- dihargai untuk kesinambungan generasi akan datang

## KARANGAN 2

### Langkah-langkah Memajukan Industri Pertanian

#### Pengenalan

Malaysia dianugerahi Tuhan dengan bumi yang subur.

- pelbagai tumbuhan mampu hidup dan membiak
- mendatangkan pelbagai manfaat kepada para penduduk
- menjadi sumber pendapatan sesetengah golongan

#### Idea-idea Utama

Kerajaan menyalurkan bantuan kepada para petani.

- baja, anak-anak benih dan pelbagai lagi
- mengurangkan beban para petani
- hasil pertanian dapat dipertingkat

Memperkenalkan penggunaan jentera-jentera moden.

- memperecepat penanaman dan penuaan hasil
- hasil padi dapat diusahakan sebanyak lima kali selama dua tahun
- pulangan yang lumayan kepada para petani dan Negara

Membuka lebih banyak kawasan pertanian.

- ditanam dengan tanaman yang komersil
- kelapa sawit, getah, koko dan pelbagai lagi
- setaraf dengan perindustrian di negara kita

Sentiasa membuat penyelidikan untuk industri pertanian ini.

- menghasilkan benih-benih pertanian yang berkualiti
- mendatangkan hasil yang berlipat kali ganda
- tahan penyakit dan tidak memerlukan kos yang tinggi

#### Penutup

Industri pertanian jangan dipandang remeh.

- mampu mendatangkan pulangan yang lumayan
- wajar diceburi oleh banyak generasi muda
- mampu merubah kehidupan dan hidup yang senang lenang

## KARANGAN 3

### Peranan Sekolah Membentuk Disiplin Pelajar

#### Pengenalan

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar bukannya masalah yang baharu.

- berlarutan dari dahulu hingga hari ini
- seolah-olah tiada titik noktah bagi fenomena ini
- perlu ditangani dalam melahirkan modal insan yang berkualiti

#### Idea-idea Utama

Pihak sekolah banyak mengadakan aktiviti yang mampu menarik minat pelajar.

- sahsiah pelajar dapat dibentuk dengan baik
- pelajar berasa seronok untuk hadir ke sekolah
- kehadiran pelajar juga baik

Aktiviti kokurikulum dijalankan dengan lebih sempurna.

- dapat menyerlahkan dan mencungkil bakat pelajar
- pelajar berjaya hingga persada dunia
- dapat mengharumkan nama sekolah

Guru bimbingan dan kaunseling bijak dalam bertindak.

- prihatin dan mengambil berat terhadap pelajar yang bermasalah
- menyelesaikan masalah pelajar
- mengadakan sesi bersama pelajar

Memanggil ibu bapa untuk kes-kes disiplin.

- ibu bapa mengetahui perlakuan anak-anak di sekolah
- menasihati anak-anak mereka
- meluangkan masa bersama anak-anak

Menghantar para pelajar yang bermasalah ke kem bina semangat.

- untuk membawa mereka kembali ke pangkal jalan
- mendekatkan diri mereka dengan Tuhan
- merawat rohani dan membaiki sahsiah mereka

#### Penutup

Para pelajar harapan negara pada masa hadapan.

- mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap negara
- merupakan insan yang bakal memimpin dunia pada masa hadapan
- berganding bahu untuk membentuk sahsiah mereka

## Faedah-faedah Perpaduan

### Idea-idea utama

Negara kita didiami oleh pelbagai bangsa dan agama.

- perpaduan amat penting untuk dikukuhkan
- dilaksanakan oleh setiap kaum tanpa sebarang paksaan
- menjamin kehidupan yang sempurna tanpa ada perasaan kekitaan

### Idea-idea Utama

Keharmonian hidup berkekalan di negara kita.

- mengelakkan perpulauan antara kaum-kaum yang lain
- bersatu padu tanpa mengira bangsa, kaum, warna kulit dan jantina
- hidup akan aman dan sentosa

Semangat sayang akan negara dapat dikukuhkan.

- sanggup berjuang mempertahankan Negara
- menyertai pasukan keselamatan
- menjadi polis, tentera dan anggota rela

Sama-sama menyumbang untuk kemajuan Negara.

- menyalurkan fikiran, tenaga dan wang ringgit
- bekerja keras untuk pembangunan Negara
- negara bertambah maju

Gagasan 1Malaysia akan menjadi realiti.

- berganding bahu menjadikan satu realiti
- dipupuk dalam diri masing-masing
- remaja menawarkan kudrat mereka

### Penutup

Perpaduan merupakan tunjang untuk segala-galanya.

- tanpa perpaduan, negara akan hancur dan porak-peranda
- mudah dijajah oleh anasir-anasir luar
- rakyat akan menderita dan kemajuan akan terbantut

## KARANGAN 5

### Langkah-langkah Menangani Kemiskinan di Negara Kita

#### Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang sedang pesat membangun.

- terkenal dan dihormati oleh negara-negara luar
- pelbagai mercu tanda gagah berdiri dan terbina di sana sini
- masalah kemiskinan masih belum diatasi dengan sepenuhnya

#### Idea-idea Utama

Memberikan pelbagai bantuan kepada para petani, penternak dan para nelayan.

- memajukan perniagaan mereka
- mengubah nasib para petani, penternak dan para nelayan
- memberikan mereka kemudahan yang lain

Memberikan BR1M, RMT(Rancangan Makanan Tambahan) dan Bantuan Persekutuan kepada mereka yang tidak berkemampuan

- mengurangkan beban mereka
- dapat hidup seperti orang lain
- dapat belajar dalam keadaan yang selesa

Memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang miskin

- melanjutkan pelajaran ke universiti
- dapat belajar dalam keadaan yang selesa
- kemiskinan tidak menjadi penghalang

Mengurangkan cukai makanan

- harga makanan tidak dijual dengan tinggi
- mampu dibeli oleh golongan miskin
- dapat merasai makanan yang dirasai oleh orang lain

#### Penutup

Berganding bahu dalam membanteras kemiskinan di negara kita.

- pihak swasta dan orang perseorangan turut serta
- menyalurkan bantuan kewangan dan pelbagai insentif
- meningkatkan taraf kehidupan mereka.